ڤجابت سيتياوسها كراجاءن ڤهڠ
**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG**
**WISMA SRI PAHANG**
**25503 KUANTAN**
Tel : 09-5126600 (AM) / 09- 5126700 (BPEN)
Faks: 09-5134742 (AM) / 09-5158327 (BPEN)
http://www.pahang.gov.my

CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO. : MY QMS 01841

TERIMA
15 JAN 2020
BAHAGIAN KEWANGAN DAN PERKHIDMATAN YAYASAN PAHANG

***#MajuTerusPahang*** ***#Pahang1st***

Ruj. Kami : **SUKPHG-1.500-9/2/1 Jld.4(56)**
Tarikh : 10 **Januari 2020**

**SENARAI EDARAN**
**(Seperti di Lampiran I)**

Sahibus Samahah Dato' Sri/ YAA Dato' Sri/YB Dato' Indera/ YH Dato' Sri/ YH Dato' Indera/ YH Dato'/ Tuan/ Puan,

**JEMPUTAN MENGHADIRI *WORK-LIFE BALANCE PROGRAM* PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN PAHANG TAHUN 2020**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang akan mengadakan ***Work-life Balance Program*** seperti ketetapan berikut :-

| | | |
|---|---|---|
| **Tarikh** | : | **04 Februari 2020 (Selasa)** |
| **Tempat** | : | **Bilik Gerakan Negeri, Tingkat 7, Wisma Sri Pahang** |
| **Aturcara** | : | **Lampiran A** |

Farah.

3. Objektif diadakan ceramah ini adalah :-

- Memahami peranan dan cabaran semasa serta tanggungjawab sebagai pemimpin dalam menerajui sesebuah organisasi
- Meningkatkan keseimbangan dalam menguruskan kerjaya dan kehidupan sebagai pemimpin yang unggul
- Memahami gaya kepimpinan dan tindak balas terhadap motivasi diri dan kakitangan serta pengaruh terhadap keseronokan bekerja

4. Sehubungan dengan itu, Pegawai Gred 48 hingga 52 bawah Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang seperti di **Lampiran I** adalah dijemput hadir ke ceramah berkenaan. Pendaftaran pegawai berkenaan hendaklah dikemukakan kepada pentadbiran ini **sebelum atau pada 24 Januari 2020 (Jumaat)** melalui **Sistem E-Latihan** (*https://elatihan.pahang.gov.my*) **oleh pegawai yang menguruskan kursus dan latihan *(Person In Charge )***. Sebarang kemusykilan sila berhubung dengan pihak urus setia melalui talian 09-5179331/ 09-5131289/09-5126738.

2/...

Aza, fyi
15/1